

**TRANSFORMASI PEMBANGUNAN EKONOMI DI NEGERI KEDAH:  
PERSPEKTIF HISTORIKAL**  
**TRANSFORMATION OF ECONOMIC DEVELOPMENT IN THE STATE OF KEDAH:  
HISTORICAL PERSPECTIVE**

*JABIL MAPJABIL, NOORIAH YUSOF & AHMAD THARMIZZIE MAT JUSOH*

*ABSTRAK*

Kajian ini bertujuan untuk meneliti perkembangan susur galur sumber dan aktiviti ekonomi di Negeri Kedah sejak zaman Pra-Islam sehingga masa kini. Selain itu, perubahan pola taburan ruang ekonomi yang berlaku dalam tempoh tersebut turut dikaji. Kajian melibatkan aspek kronologi masa terhadap sumber awal ekonomi dan cara ia tersebar yang akhirnya mewujudkan unsur keunikan dan keunggulan dalam konteks transformasinya. Sejarah perkembangan awal sumber dan aktiviti ekonomi dikaji menggunakan bahan dan dokumen sejarah. Ia melibatkan pengkajian terhadap perkembangan pola ruangan ekonomi di kawasan kajian. Aspek perkaitan antara aktiviti ekonomi dan ruang terlibat turut dikaji. Selepas era kemerdekaan, pelbagai strategi dan dasar ekonomi dilaksanakan di peringkat nasional yang mempengaruhi penumpuan aktiviti ekonomi di Negeri Kedah dan perubahan perkembangan kawasan dalam negeri tersebut. Selepas awal tahun 1980an, pembangunan ekonomi adalah lebih berorientasikan eskport dan mementingkan peranan modal asing sebagai pemangkin kepada kemunculan sektor perindustrian di Malaysia yang seterusnya mewujudkan zon perindustrian. Dalam hal ini, Kedah turut proaktif dengan kemunculan zon industri di bahagian utara negara, di samping meningkatkan prestasi pembangunan pertanian dan pelancongannya. Pengaruh globalisasi semakin penting menjelang abad ke-21 sekaligus telah mempengaruhi struktur ekonomi dan pola ruangan di Negeri Kedah.

*Kata kunci* : sejarah Kedah, transformasi, struktur ekonomi, pola ruangan dan globalisasi

*ABSTRACT*

This study aims to inspect the development of resources and activities of economic in the State of Kedah since pre-Islamic era until the present. In addition, changes in distribution pattern of the prevailing economic space in the period of study are also scrutinized. The study involves aspects of time chronology of early economic resources and how they spread, which may create the element of uniqueness and superiority in the context of the transformation. History of the early development of resources and economic activities are investigated using the materials and historical documents. It involves the analysis of growth patterns of economic space in the study area. The aspects of relationship between economic activities and space are also analyzed. After the era of independence, the various strategies and economic policies implemented at the national level might have some influence on the concentration of economic activities in the state of Kedah and changes in the development of the state. After the early 1980s, economic development is more export-oriented and emphasizes the role of foreign capital as a catalyst for the emergence of the industrial sector in Malaysia, thus creating an industrial zone. In this case, Kedah seems to be proactive with the emergence of an industrial zone in the northern part of the country, while improving the performance of its agriculture and tourism sectors. The importance of increasingly influences of globalization towards the 21st century has totally affected the structure of economic and patterns of space in the state of Kedah.

*Keywords*: history of Kedah, the transformation of economic structures, patterns of space and globalization

**PENGENALAN**

Hubungan awal Kedah dengan dunia luar bermula sejak sebelum Masihi lagi. Hubungan yang bersifat perdagangan, budaya dan agama ini membolehkan Kedah muncul sebagai salah sebuah pusat tamadun awal di Semenanjung Malaysia. Kedah sebagai negara kota perdagangan mempunyai hubungan dagang dengan kuasa perdagangan Asia terpenting. Rekod dan catatan awal dari India, China dan Arab jelas menunjukkan bahawa Kedah Tua pernah mempunyai hubungan dengan kesemua negara berkenaan. Di dalam syair *Tamil Pattinappalai* (Abad ke 2-3 M) menyebut *Kalagam* sebagai pelabuhan yang menjalankan perniagaan eksport. Pada abad ke 7-8 Masihi, sumber Tamil menyebut *Kidaram* atau *Kadaram* (Wheatley, 1961: 279). Sumber Sanskrit zaman Gupta pula menyebut *Kataka*. Di dalam rekod Dinasti Tang menyebut tempat bernama *Chia-cha* atau *Chieh-cha* yang merujuk kepada Kedah (Jane, Allen 1988 : 211-212). Sumber Arab abad ke 9-12 Masihi menyebut *Kalah* menjadi tempat pelarian para pedagang asing khususnya Arab dan India yang menetap di Tenggara China. Mereka melarikan diri ke *Kalah* selepas kegagalan suatu pemberontakan. Menurut sumber ini, *Kalah* didiami oleh masyarakat Islam, Hindu dan Parsi (Tiabbeets, 1957 : 22). Ini jelas menunjukkan bahawa sejak awal lagi Kedah dikenali sebagai sebuah negara berbilang bangsa dan agama hasil hubungan dengan negara luar.

## SEJARAH AWAL KEDAH

Ramai sejarawan yang menganggap Kedah sebagai negeri yang tertua sekali di Tanah Melayu. Pendapat ini diasaskan kepada penemuan arkeologi yang terdapat di beberapa lokasi di Kedah yang membuktikan adanya penempatan secara teratur semenjak kurun ke - 4 lagi. Daripada penemuan arkeologi, terdapat bahan bukti yang menunjukkan bahawa kawasan utara semenanjung telah didiami oleh manusia purba semenjak zaman *Pleistocene* lagi. Di antara alat yang dijumpai termasuklah bahan bercucuk tanam. Daripada kajian yang dilakukan didapati para penduduk di kawasan berkenaan pada ketika itu terdiri daripada golongan orang Melayu-Proto (*Proto-Malaya*). Mereka hidup dengan menjalankan kerja bertani di kawasan pendalaman rendah terutamanya di tepi sungai. Penduduk awal itu mula menunjukkan kemajuan apabila mereka menggunakan alat yang diperbuat daripada logam.

Bagi sejarah Kedah, terdapat dua lagi bahan rujukan yang terkenal iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* yang ditulis selepas tahun 1643 dan *Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah* dalam tahun 1927. Maklumat mengenai sejarah awal Kedah boleh diperolehi daripada unsur Arab, Parsi, Sanskrit dan Cina. Unsur Arab dan Parsi banyak memperkatakan mengenai Kedah yang disebut sebagai *Kilah* (Ibnu Khurdadhbih, 846) atau *Kalah* (Ibnu Muhalhal, 941) atau *Qalha*. *Qalha* dikatakan mempunyai empat buah daerah iaitu Kuala Qilah (Kuala Sungai Merbok sekarang), Kuala Bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah di Pulau Panjang dekat Setoi (di sempadan Perlis / Siam) dan Kuala Bara (sebuah Kuala Sungai di kawasan Setoi).

Terdapat beberapa rujukan mengenai Kedah dalam tulisan Sanskrit yang menyebut Kedah sebagai *Kataha* atau *Kadara* dan tulisan Tamil yang menyebut Kedah sebagai *Kadaram* atau *Kalagam*. *Kadaram* bermakna kualiti besar dan *Kalagam* pula bermakna warna hitam (Utusan Malaysia, 23 Februari 2009:11). Mengikut Wilkinson, Kedah berasal daripada perkataan *Kheddah* yang bermaksud perangkap gajah. Ada pula pendapat yang menyatakan bahawa nama Kedah berasal daripada perkataan Arab. *Kedah* yang bermakna gelas berkaki iaitu ketika zaman terdapat ramai pedagang Arab yang menjual gelas berkaki di sana sini. Mereka sering meneriak perkataan *Kedah* untuk menarik perhatian para pedagang kepada barang dagangan mereka. Daripada hasil penulisan sejarah pedagang China dan kronikel pelayaran mereka terdapat rujukan Kedah dalam pelbagai sebutan. Begitu juga dengan unsur Siam dan Jawa yang menyebut Kedah dengan gaya yang tersendiri.

Dari unsur China iaitu semasa Dinasti Liang (502 - 665), Kedah disebut sebagai *Langgasu* atau *Langa* (atau Langkasuka). Penduduknya dilaporkan mula menduduki kawasan itu dalam kurun pertama sebelum Masihi. Sehingga ke hari ini, masih menjadi tanda tanya kedudukan sebenar kerajaan Langkasuka itu. Penulis dan sejarawan Winstedt menganggap Langkasuka, yang disebut juga dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* sebagai nama Kedah dalam bentuk penulisan sastera. Pakar sejarah seperti Quaritch Wales, ahli arkeologi British; G. Coedes, ahli arkeologi Perancis dan Dr. Linehan, sejarawan dan bekas Pengarah Muzium di Tanah Melayu (1948 -1951), menempatkan Langkasuka di kawasan Sungai Bujang. Daripada kronikel China zaman Dinasti Tang (618 - 916) Kedah disebut sebagai *Kora* atau *Kola*. Raja Kora dikatakan mempunyai nama keluarga Sri Pura dan namanya sendiri ialah Misi Pura. Pengembara Cina, Chao Ju Kua (yang menulis dalam tahun 1250) menyebut Langkasuka sebagai kawasan yang ditakluk oleh

Palembang. Dari penulisan I-Ching (kurun ke-17), Kedah kerap kali pula disebut sebagai *Chiah-Chin* atau *Kie Ta'a* ataupun Kieteha (Wolter, 1967:207-208).

Penulis *The Study Of Ancient Timesin The Malay Peninsula and Straits Malacca*, Roland Braddell menyatakan Kedah pernah disebut sebagai *Gedda*. Nama itu dikaitkan dengan perkataan Hindustan *Khadar* yang bermaksud tanah yang sesuai untuk tanaman padi. *Kidara* dalam bahasa Sanskrit juga mempunyai makna yang sama. Nama lain untuk Kedah ialah *Kala* dalam bahasa Parsi yang bermakna Kota. Dirwayatkan bahawa Raja Kedah yang kedua telah membina sebuah kota di sebuah tempat yang bernama *Serokam*. *Serokam* dikaitkan dengan perkataan Hindustan iaitu *Sara* yang bermaksud bangunan dan *Kami* yang bermaksud urusan.

Unsur tempatan yang terkenal mengenai sejarah Kedah ialah *Hikayat Merong Mahawangsa* yang mengisahkan sejarah awal Kedah. Ramai sejarawan menggunakan hikayat ini sebagai rujukan, walaupun unsur itu diakui banyak bercampur-baur dengan kisah-kisah yang terkeluar daripada sejarah. Satu lagi unsur tempatan yang popular ialah *AI-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, karya Haji Hassan Haji Arshad, seorang pegawai tinggi istana. Dengan menggunakan *Hikayat Merong Mahawangsa* dan *AI-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, seseorang dapat membina perjalanan sejarah negeri Kedah khususnya Salasilah Kesultanan Kedah dari kurun ke-13 hingga ke hari ini (Muhammad Hassan, 1968:3). Rekod lama yang menyebut nama *Kedah* walaupun dalam pelbagai sebutan boleh dikesan semenjak tahun 846 Masihi. Misalnya dalam rekod pengembaraan Ibnu Khurdadhbih, penulis buku *al Masalik wal Mamalik* ada disebut mengenai sebuah pulau yang bernama *Kilah* yang mempunyai banyak bijih dan hutan buluh. Buku ini merupakan buku panduan mengenai kawasan kawasan empayar Islam dan turut mengandungi maklumat mengenai topografi Asia Tenggara (Mahayudin Hj. Yahya, 2001:17).

Seorang pengembara Arab bernama Sulaiman yang pernah menulis dalam tahun 851 Masihi menyebut tentang kawasan bernama *Kalahbar* yang dikatakan sebagai tempat yang bernaung di bawah Zabaj iaitu Empayar Srivijaya di Palembang. Ibnu Muhalhal yang menulis dalam tahun 941 Masihi menyebut *Kalah* sebagai terakhir bagi kapal berlabuh di sebelah timur. *Kalah* digambarkan sebagai sebuah bandar besar yang dikelilingi oleh tembok yang tinggi, penuh dengan taman dan alur. *Kalah* juga mempunyai banyak lombong atau *kelian* bijih. Menurut Ibnu Muhafhal, *Kelian* seperti itu tidak terdapat di mana-mana pun di dunia.

## **EKONOMI KEDAH SEBELUM KEDATANGAN PENJAJAH**

Bentuk dan kegiatan ekonomi penduduk Kedah di zaman silam dapat disusurgalurkan dari pola dan bentuk petempatan dan sistem pemerintahan pada satu-satu era atau ketika itu. Kajian sejarah menunjukkan hubungan ini yang turut melibatkan kegiatan ekonomi yang agak kompleks telah wujud terutamanya di sekitar pusat pemerintahan. Aktiviti ekonomi di Kedah mula berkembang dengan kawasan perdagangan seperti Lembah Bujang, Sungai Mas, Langgar dan Limbong Kapal. Kedudukan Kedah yang terletak di pintu masuk Selat Melaka serta berpandukan Gunung Jerai menjadikan ia strategik untuk aktiviti perdagangan melalui jalan laut. Lokasi Kedah yang terletak di antara dua tamadun besar iaitu China dan India telah menjadikannya berperanan penting sebagai pusat tukaran (*entreport*). Perdagangan Kedah boleh dibahagikan kepada dua era yang utama iaitu 'Sebelum Kedatangan Agama Islam' dan 'Zaman Kesultanan Kedah'.

### **Sebelum Kedatangan Agama Islam**

Sebelum Islam berkembang di alam Melayu, Kedah terkenal dengan tamadun 'Lembah Bujang' yang mempunyai pengaruh Hindu-Buddha di bawah kerajaan Sriwijaya. Dalam era ini, perdagangan Kedah lebih tertumpu ke selatan negeri bermula dari Gunung Jerai ke Cherok Tok Kun di Seberang Perai sementara ke utara hingga Bukit Choras. Dalam abad ke-13 dan 14, kedudukan Kedah sebagai pusat ekonomi pelabuhan mula merosot dengan kemunculan Melaka sebagai kuasa ekonomi yang menjadi tumpuan para pedagang dari timur ke barat. Melaka juga menjadi kuasa yang kuat hingga mampu mencabar Siam. Pengaruh Siam berkembang ke negeri Kedah dan negeri ini dijadikan benteng bagi mengekang penguasaan Melaka. Pelabuhan Kedah mula lebih penting sebagai strategi pertahanan berbanding perdagangan.

### **Zaman Kesultanan Kedah**

Zaman kesultanan menyaksikan Kedah berhadapan dengan kuasa luar seperti Belanda, Bugis dan Portugis. Hubungan Kedah dengan Belanda lebih bersifat ekonomi berbanding hubungan Kedah dengan kuasa luar yang lain. Rekod terawal menunjukkan Belanda membeli bijih timah dari kesultanan Kedah pada tahun 1606. Bagaimanapun, perjanjian perdagangan hanya ditandatangani pada 6 Julai 1641. Menjelang Jun 1642, Sultan Rijaluddin (1626-1651) membenarkan Syarikat Hindia Timur Belanda membeli separuh keluaran bijih timah, lembu, kerbau, gajah, lada dan lain-lain keluaran negeri ini. Sebagai balasan, Belanda dikehendaki memberi bantuan ketenteraan apabila diperlukan (Dianne Lewis, 1995:20).

Selain itu, keadaan ekonomi Kedah dapat dilihat semasa pemerintahan Sultan Abdullah. Dalam era ini, hasil perdagangan Kedah dianggarkan \$136,000 merosot kepada \$80,000 pada 1870-an (Zaharah Hj. Mahmud, 1965:32). Kedah kemudiannya muncul sebagai pengeksport bebas utama ke Pulau Pinang. Monopoli perdagangan beras sebelum permulaan abad ke-20 terletak di tangan Sultan dan golongan bangsawan (Omar, 1986:74). Pada tahun 1864, misalnya jumlah eksport beras Kedah ke Pulau Pinang bernilai \$10,000. Ini mendorong kemasukan modal luar, khususnya dari Pulau Pinang untuk memastikan bekalan beras yang berterusan. Pemodal ini kemudiannya memperolehi hak monopoli membeli daripada Sultan melalui sistem pajak. Bagi meningkatkan jumlah bekalan padi, para petani Melayu digerakkan supaya memasuki jaringan komersil pemegang pajak melalui kaedah berhutang (Mohd. Isa Othman, 2001: 37). Para pembesar yang mendapat konsesi membina terusan perairan sawah di Kedah turut dikatakan mendapat pembiayaan melalui pinjaman daripada para pemodal Cina atau ceti Pulau Pinang. Kepentingan padi dalam ekonomi Kedah bukan sahaja boleh dilihat dari perdagangan eksportnya tetapi dalam *Undang-undang Kedah*. Daripada empat kanun, dua secara langsung mencerminkan kepada pertanian negeri. Kanun kedua (Undang-Undang Datuk Seri Paduka Tuan tahun 1667) menyentuh tentang pelbagai aspek pertanian, khususnya mengenai tanaman padi sawah. Di samping itu, penekanan terhadap pembinaan terusan yang penting untuk tujuan pengairan telah menunjukkan kepentingan ekonomi pertanian ini (Skinner, 1949:30). Antara terusan yang paling awal dibina di Kedah adalah Terusan Wan Muhammad Saman Terusan iaitu sepanjang 22 batu, 24 kaki lebar dan 5 kaki dalam dan siap dibina pada tahun 1895. Proses pembinaan terusan itu telah menyebabkan banyak tanah dibuka untuk penanaman padi. Oleh yang demikian banyak lagi saluran kecil telah dibina bagi membawa air terus ke kawasan pedalaman untuk mengairi tanah sawah. Antara anak terusan yang masih digunakan hingga sekarang ialah Sungai Kota Sarang Semut, Sungai Simpang Empat, Sungai Limau dan Guar Cempedak.

Selain padi, para pemodal Cina dari Pulau Pinang turut terlibat dengan penanaman ubi kayu, khususnya di selatan Kedah. Sultan Kedah banyak memberi konsesi tanah untuk ladang ubi kayu menerusi sistem pajak. Bagaimanapun dengan kemasukan getah, ubi kayu mengalami kemerosotan. Para pemodal Pulau Pinang turut terlibat dalam sistem pajak pertanian di Kedah, khususnya di Kulim dan Kuala Muda (Mohd. Isa Othman, 2001: 51). Walaupun Kedah tidak dijajah oleh British sehingga 1909, tetapi hubungan ekonominya dengan sistem ekonomi kapitalis bermula lebih awal lagi terutamanya melalui hubungan dengan Pulau Pinang. Pada peringkat awal, Pulau Pinang menawarkan pasaran untuk beras, lembu, ayam, itik dan hasil pertanian lain dari Kedah. Para pemodal Pulau Pinang didapati sudah ramai membuat pelaburan terutamanya pedagang kaum Cina. Berhubung dengan peranan modal dari Pulau Pinang, seorang pegawai British mengulas,

*Whilst, however, Kedah is politically an independent state under the suzerainty of Siam, commercially it is a mere independency of Penang Every dollar of capital invested in it has come from Penang and all its Chinese traders are connected with Penang Firm.*

## **EKONOMI KEDAH SEMASA ERA PENJAJAHAN**

### **Penjajahan Inggeris dan kemunculan ekonomi import dan eksport (entreport)**

Hubungan peringkat awal bersifat perdagangan dan bermula sejak tahun 1609. Para saudagar Inggeris banyak berdagang pakaian dan besi sebagai pertukaran hasil perdagangan Kedah seperti bijih timah, tembaga, gajah dan hasil hutan. Di antara pedagang Inggeris yang terawal yang berniaga di Kedah termasuklah John Lock dan Alexander Hamilton (Mohd. Isa Othman, <http://www.mykedah2.com>). Namun, selepas tahun 1909 sehingga 1942, hubungan Kedah dengan Inggeris adalah bersifat langsung di antara penjajah dengan negeri jajahan selepas berlaku pergolakan politik dalam pentadbiran negeri Kedah. Meskipun Kedah menerima penjajahan Inggeris selepas Perjanjian Bangkok 1909, tetapi perjanjian rasmi

Inggeris - Kedah hanya ditandatangani pada 1 November 1923. Perjanjian ini meletakkan Kedah secara rasmi dalam lingkungan penjajahan Inggeris tetapi masih dengan kuasa autonomi. Dari aspek ekonomi, dapat dilihat melalui kewujudan sistem ekonomi dualisme. Sistem ekonomi dualisme merujuk kepada dua tumpuan ekonomi yang berbeza namun ia bergerak seiring dengan garis etnik.

Dua bentuk eksploitasi ekonomi utama yang dilakukan oleh penjajah ialah perlombongan dan perladangan getah. Penjajah Eropah telah mewujudkan pembahagian etnik berdasarkan pembahagian pekerjaan. Orang Melayu berada dalam sektor kerajaan dan pertanian, manakala Cina sebagai pelombong dan peniaga manakala orang India sebagai pekerja ladang. Sistem ekonomi penjajah tertumpu kepada perdagangan moden yang berasaskan perusahaan getah dan perlombongan bijih timah. Sistem ekonomi ini berasaskan pasaran bandar dan diletakkan di bawah kawalan British. Sistem ini banyak melibatkan kumpulan etnik Cina dan India. Manakala sistem ekonomi tradisional ialah sektor pertanian, komoditi utamanya ialah penanaman padi dan perikanan. Teknik pengeluaran, pemasaran dan tenaga kerja didominasi oleh etnik Melayu dengan berteraskan budaya Melayu luar bandar atau budaya Melayu tradisional. Secara tidak langsung, ekonomi dualisme ini telah melambangkan agihan tenaga kerja mengikut tiga etnik utama di Malaysia. Etnik Melayu tertumpu di sektor pertanian tradisional iaitu pekebun kecil getah, kelapa, pesawah padi, dan nelayan kecil-kecilan. Dalam sektor ekonomi moden pula, ia didominasi oleh kumpulan etnik Cina. Mereka menceburi aktiviti perlombongan, perkilangan dan perkhidmatan. Ketidakeimbangan antara etnik jelas dilihat dalam sektor ketiga apabila separuh daripada sektor ini didominasi oleh etnik Cina manakala etnik Melayu dan India hanya sedikit sahaja. Sektor ini menjadikan jurang etnik menjadi lebih luas lagi.

Penjajahan Inggeris di Kedah lebih menumpukan kepada pelaksanaan pembangunan sektor perladangan getah berbanding dengan sektor lain. Apabila penasihat Inggeris mengambil tindakan untuk memajukan sektor perladangan getah maka lebih ramai pemodal menunjukkan minat untuk membuat pelaburan dalam sektor ini. Para pemodal yang melibatkan diri adalah terdiri daripada dua kumpulan. Kumpulan pertama terdiri daripada para pemodal Eropah yang memiliki syarikat besar (Minit Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 17-8-1925 dalam SUK/K 394/1344). Kumpulan kedua pula adalah orang persendirian yang terdiri daripada pemodal berbangsa Cina yang memiliki kerakyatan British dan sudah lama menetap di Negeri-Negeri Selat.

## **PENJAJAHAN JEPUN DAN KEMUNCULAN EKONOMI 1942-1945**

Hubungan Kedah-Jepun tidak begitu jelas sebelum teretusnya Perang Dunia Ke-2. Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu bermula di pantai timur pada tengah malam 7 Disember 1941, dengan pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu. Manakala, serangan ke atas Kedah bermula pada awal pagi 10 Disember 1941. Pasukan tentera di bawah Lt. Kolonel Saeki ditugaskan menyeberangi sempadan di Bukit Kayu Hitam. Pasukan ini berjaya mara hingga ke Asun dan mengalahkan pasukan Gurkha Punjab. Pada 13 Disember 1941, kubu pertahanan British di Jitra berjaya ditawan dan askar British berundur ke selatan Sungai Kedah. Pada hari berikutnya, pasukan Jepun mara ke Alor Star dan tentera British terpaksa berundur ke Gurun. Di Gurun pun, pasukan tentera British diasak hebat dan pada 16 Disember 1941 sekali lagi mereka berundur ke selatan Sungai Muda (Mohamad Isa, 1992:1-19). Episod ini menunjukkan dalam masa enam hari, Kedah berjaya ditawan oleh tentera Jepun. Manakala seluruh Tanah Melayu dan Singapura berjaya ditawan dalam jangka masa tujuh puluh hari.

Dari segi ekonomi, Jepun menguasai sepenuhnya sistem pengangkutan, perhubungan dan kewangan di samping menggunakan makanan dan bahan mentah tempatan di Kedah. Perdagangan, perlombongan dan perusahaan diletakkan di bawah kawalan tentera Jepun dengan pengenalan sistem permit dan dengan pengeluaran lesen kepada *kaisha* (agen) Jepun untuk menjalankan kegiatan ekonomi di bawah penyeliaan dan kepentingan tentera Jepun. Tegasnya, *kaisha* Jepun mempunyai kedudukan monopolistik dalam ekonomi Kedah semasa pendudukan Jepun.

Untuk mencapai matlamat berdikari dalam ekonomi, pentadbiran tentera Jepun menggalakkan pengeluaran barangan pengganti. Sejak awal lagi, tanaman kapas diperkenalkan untuk memenuhi keperluan kain kapas. Pada April 1943, Jabatan Pertanian Daerah ditubuhkan sebagai agensi pusat bagi pembekalan guni beras, tali, tikar, tong botol dan lain-lain kepada tentera Jepun (Minit Mesyuarat Agung kepada Pesuruhjaya Tentera 25 November 1943 dalam SUK 40/2486 (1943)). Jerami dan mengkuang digunakan untuk membuat tali, guni beras, tikar dan tong botol. Manakala kain diperbuat daripada daun nenas, minyak petrol cuba dibuat daripada getah, kelapa untuk membuat gula nyior dan minyak untuk pelita (Kedah

Annual Report 1946 bab 5 m/s 4). Di bawah pentadbiran Jepun memperlihatkan daya cipta tempatan dihasilkan untuk mencari pengganti kepada barang keperluan yang semakin berkurangan.

Kepentingan ekonomi Kedah terletak pada ekonomi padi dan berasnya. Kedah merupakan pengeluar lebihan padi dan beras yang terkemuka di Tanah Melayu sebelum, semasa dan selepas perang dunia kedua. Sebelum perang dunia kedua, Tanah Melayu mengeluarkan 1/3 keperluan ini. Dalam musim padi 1940 hingga 1941 iaitu musim terakhir sebelum serangan tentera Jepun, pengeluaran padi pada masa itu merupakan yang paling tinggi pernah dicapai iaitu sebanyak 101 ½ juta gantang (241 666 tan). Berdasarkan pengeluaran ini, Kedah mengekspor 21 707 tan beras dan padi pada tahun 1941. Serangan Jepun pada Disember 1941 berlaku semasa padi sedang dituai di Utara Kedah. Akibat huru-hara yang mengiringi perang, pengeluaran padi merosot sedikit menjadi 92 030 000 gantang (219 119 tan), tetapi masih ada lebihan 24 391 tan untuk diekspor (Li Dun Jun, 1982:162-164). Jumlah untuk kepenggunaan pesawah ditetapkan dan padi hanya boleh dijual pada harga yang ditetapkan oleh agen Daimaru yang mengambil alih kilang beras kerajaan di Anak Bukit.

Apabila Jepun menubuhkan kuasanya di Tanah Melayu, bahan makanan khususnya padi dan beras berada di paras yang rendah. Justeru itu, harga padi dan beras ditetapkan. Perdagangan padi tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran. Jepun memperkenalkan tiga langkah asas untuk mencapai kedudukan berdikari dalam pengeluaran padi;

- 1) Memajukan tanah sawah yang sedia ada melalui pengenalan teknik pertanian dengan bantuan pakar dari Jepun.
- 2) Pengenalan benih baru yang bermutu tinggi.
- 3) Membuka tanah baru dan melibatkan orang bukan Melayu dalam penanaman padi.

Jepun juga memperkenalkan penanaman padi dua kali setahun melalui pengenalan benih Taiwan dan teknik pertanian Jepun. Di samping itu, Jepun turut memperkenalkan dua teknologi baru iaitu *water-wheel* dan alat memukul padi. Kedua-dua alat ini menggunakan tenaga mengayuh (Van Thean Kee, 1948:119-122). Kedah mendahului negeri lain di Tanah Melayu dalam penanaman padi Taiwan dan hasil kali pertama dituai pada pertengahan tahun 1943. Tetapi, penanaman padi dua kali setahun yang diperkenalkan Jepun menghadapi kegagalan kerana masalah kekurangan tempat yang sesuai akibat saluran air yang tidak mencukupi. Oleh itu, hanya kawasan kecil sahaja di Kedah ditanam dengan padi Taiwan. Selain itu, padi Taiwan juga mudah terdedah kepada serangan serangga, burung dan penyakit. Matlamat menggandakan hasil padi dengan memperkenalkan rancangan penanaman padi dua kali setahun tidak berjaya tetapi jumlah kawasan padi bertambah walaupun pertambahan itu kecil. Jadual berikut menunjukkan pertambahan tersebut dalam tempoh tahun 1940 sehingga 1943.

Musim	Kawasan padi (ekar)
1940-1941	265 460
1941-1942	267 140
1942-1943	272 730

Dalam usaha menambahkan kawasan padi, tanah terbiar, estet getah dan hutan simpan dibuka. Tetapi, pertambahan kawasan tidak membawa kepada pertambahan pengeluaran padi seperti yang digambarkan dalam jadual berikut:

Musim	Jumlah pengeluaran (gantang)	Purata seekar (gantang)
1940-1941	100 852 000	380
1941-1942	91 451 000	342
1942-1943	88 381 000	318

Sumber : Office of Strategic Services, Research and Analysis Branch Washington, DC.(microfilm)

Antara faktor yang menyebabkan kemerosotan hasil pengeluaran padi walaupun jumlah penanaman padi bertambah ialah bencana alam, banjir dan kemarau. Semasa musim padi 1942 hingga 1943, hujan lebat turun pada bulan November 1942 membawa kerosakan kepada bendang padi terutamanya di Kota Setar, Kubang Pasu dan Yan iaitu tiga kawasan yang terpenting dalam pengeluaran padi di Kedah.

Selain itu, masalah mendapatkan tenaga buruh pada musim menuai dan kos buruh yang semakin meningkat turut membawa kepada masalah ini. Penguasaan perdagangan padi dan beras serta ciri paksaan dan keganasan yang mendasari pentadbiran tentera Jepun turut mempengaruhi pengeluaran padi di Kedah.

Kesannya, keadaan ekonomi Kedah semasa pentadbiran Jepun menjadi lumpuh menjelang akhir perang dunia kedua. Keadaan ekonomi tempatan semakin buruk akibat peperangan yang berlanjutan. Rancangan yang diatur oleh Jepun untuk pemulihan ekonomi telah gagal. Bekalan barang-barang telah berkurangan dan harganya meningkat. Perdagangan dalam negeri dan antarabangsa turut terancam. Ternyata propaganda Jepun "*Kemakmuran Bersama Asia*" gagal terutamanya kerana eksploitasi ekonomi. Kekalahan demi kekalahan yang dialami oleh Jepun sepanjang tahun 1943 telah memaksanya untuk menyerahkan Kedah bersama-sama dengan Perlis, Kelantan, Terengganu dan dua wilayah Shan di Burma kepada kerajaan Thai iaitu sekutu tunggal Jepun di Asia Tenggara pada 18 Oktober 1943 (Yoji Akashi, 1983:316-317).

## **STRUKTUR EKONOMI NEGERI KEDAH SELEPAS MERDEKA SEHINGGA KINI**

Agenda dan perancangan pembangunan negara sejak sebelum merdeka sehingga kini boleh diikuti berpandukan pelbagai pendekatan dan kaedah. Jomo (1999) menyatakan bahawa pembahagian ini boleh dibuat mengikut visi, agenda, isu-isu ekonomi dan politik serta pengaruh pemimpin yang mentadbir negara pada satu-satu masa tersebut. Berasaskan pendekatan ini, Jomo telah mencadangkan empat fasa agenda pembangunan iaitu:-

- |      |             |  |
|------|-------------|--|
| i)   | 1950 – 1957 | Agenda pembangunan yang ditentukan Inggeris, pada akhir zaman penjajahan.  |
| ii)  | 1957 – 1969 | Dasar dan fasa " <i>laissez faire</i> " kerajaan Perikatan di bawah kepimpinan Y.A.M. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri. |
| iii) | 1969 – 1985 | Peranan dan penglibatan kerajaan dalam ekonomi dan pengukuhan sektor awam.   |
| iv)  | 1986 – kini | Fasa Liberalisasi Ekonomi.   |

Menurut Jomo (1999), era atau fasa terakhir sebenarnya bermula sejak Dato' Seri Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981, terutamanya dalam pertengahan tahun 1980an. Dasar pembangunan pula lebih memfokuskan kepada pemodenan dan perindustrian sebagai penggerak ekonomi yang antaranya terdiri daripada Dasar Pensewastaan, Dasar Pembangunan Negara dan Visi 2020 yang banyak membentuk ekonomi Malaysia. Dasar dan agenda pembangunan negara ini secara serentak membentuk struktur ekonomi semua negeri termasuk Kedah Darul Aman. Walaupun kemajuan yang dicapai dalam dekad sebelum tahun 1997 telah melonjak ekonomi negara ke hadapan berbanding negara-negara lain di rantau ini, tetapi pencapaian negeri Kedah secara relatif masih tidak setanding dan kurang memuaskan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Mengikut Rancangan Malaysia Ke-7, Negeri Kedah adalah negeri yang ketiga termiskin di Semenanjung Malaysia berasaskan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), perkapita (1995). Pencapaian rendah yang dialami ini bukanlah kerana Kedah tidak berusaha atau tidak berkemampuan untuk bersaing, tetapi ini adalah di atas sebab-sebab lain di luar kawalannya. Antaranya ialah struktur sosial dan fizikal negeri Kedah sendiri yang menghalang kepada pembangunannya yang lebih pesat lagi (Jamaludin Sulaiman, 2002:150). Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah, jumlah keluasan tanah yang diusahakan di Kedah ialah 928,933 hektar. Daripada jumlah ini, 474,799 hektar atau lebih kurang 51 peratus telah digunakan untuk pertanian. Selainnya telah digunakan untuk tujuan bukan pertanian. Tanaman padi yang meliputi keluasan 144,798 hektar dan getah dengan keluasan 247,933 hektar merangkumi jumlah terbesar tanah pertanian di Kedah. Tanaman utama lain di Kedah termasuklah kelapa sawit (23,364 hektar), tanaman pelbagai dan buah-buahan (45,443 hektar) dan tebu (8,712 hektar). Satu lagi tanaman penting Kedah ialah tembakau walaupun keluasan yang diusahakan hanya 823 hektar berbanding tanaman lain (Jamaludin Sulaiman, 2002:151).

### **Perindustrian**

Perindustrian kini menjadi tumpuan di Kedah bagi mencapai matlamat negeri maju menjelang 2010. Peranan pertanian yang merupakan kegiatan penting sebelum ini digantikan dengan aktiviti perindustrian. Perindustrian ditubuhkan dengan menggalakkan pelabur dari luar Kedah untuk membina rangkaian industri di sini. Contohnya di Gurun terdapat kilang Modenas, Petronas Fertilizer, Kilang Pemasangan Kereta Naza

dan Perwaja Steel (Maruwiyah Ahmat, 2008:14). Negeri Kedah juga sentiasa merancang dan melaksanakan program pembangunan untuk memberi kehidupan yang lebih baik, makmur dan bahagia kepada rakyatnya. Pembangunan di Kedah memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan taraf ekonomi negeri pada tahap yang lebih tinggi berbanding sebelumnya. Peluang pelaburan sememangnya baik di Kedah. Negeri ini terletak di kedudukan yang strategik iaitu berhampiran dengan pelabuhan kedua terbesar di Malaysia iaitu Pelabuhan Pulau Pinang. Keadaan ini telah membuka peluang kewujudan pelbagai industri di Kedah yang sekali gus memberi peluang pekerjaan kepada rakyatnya. Selain itu, Kedah dilengkapi prasarana asas seperti air dan elektrik yang cukup serta perkhidmatan telekomunikasi yang maju, sistem jaringan lebuhraya utara-selatan, saluran paip gas, terletak dalam kawasan Segitiga perindustrian Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan kilang besi perwaja.

Kawasan perindustrian seluas 1,600 ekar telah diwujudkan di Kulim, Sungai Petani, Bakar Arang, Jitra, Kuala Ketil, Alor Star dan Bukit Kayu Hitam. Lebih 460 buah kilang sedang beroperasi yang mengeluarkan barangan makanan, elektrik dan elektronik, barangan plastik dan getah serta tekstil (<http://www.kedah.gov.my/kedah/>). Kerajaan Negeri Kedah juga telah membina kawasan industri berat di Gurun. Seluas 50 hektar telah dimajukan sebagai kawasan pengeluaran automotif yang dilengkapi dengan kilang-kilang vendor dan Akedemi Latihan. Kulim Hi-Tech Park telah muncul sebagai Pusat Pengeluaran Fabrikasi Wafer yang utama di rantau ini. Sejumlah 21 bilion ringgit nilai pelaburan telah diterima dan menghasilkan 16 ribu peluang pekerjaan. Antara syarikat antarabangsa yang menjalankan operasi di Kulim Hi-Tech Park ialah Intel, Fuji Elektrik, Siltera dan Infineon Technologies dan First Solar. KHTP telah dilengkapi dengan kemudahan prasarana, R&D, rekreasi, perniagaan, pendidikan dan perumahan di kawasan seluas 1200 ekar. Pembangunan Zon Industri Fasa 3 seluas 50 ekar sedang dimajukan bagi menampung permintaan lot industri.

### **Pertanian**

Sebagai Jelapang Padi, Kedah terus memaju dan memodenkan sektor pertanian. Kawasan tanaman padi seluas 100,000 hektar menghasilkan 40% keperluan beras negara. Kawasan tanaman getah meliputi seluas 250,000 hektar manakala kelapa sawit, tembakau dan tebu meliputi seluas 56,000 hektar. Usaha mengeluarkan sayuran dan buah-buahan serta tanaman kontan secara komersial telah dijalankan secara agresif. Selain itu, Kedah turut menjalankan projek penanaman pokok yang berkualiti tinggi di pasaran. Penanaman satu jenis pokok bagi setiap daerah telah menjadikan Kedah antara pengeluar pokok dan produk dari pokok jati dan sebagainya.

Pada tahun 2006, satu projek baru iaitu ternakan Ikan Hiasan (emas) turut dilaksanakan di Kedah bagi meningkatkan taraf kehidupan dan menyumbang pendapatan kepada negeri. Projek lain yang turut dilaksanakan ialah ternakan ikan air tawar, projek mangga Chok Anan, tanaman cili fertigasi, projek ternakan ayam daging secara '*closed-system*', projek udang galah, Projek Agro Tourism, projek madu lebah dan kraftangan daun getah (Maruwiyah Ahmat, 2008:21).

### **Pelancongan**

Pelancongan merupakan sektor yang berkembang pesat. Pulau Langkawi telah terkenal sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Selain mempunyai bilik penginapan untuk pelbagai kategori, Langkawi mempunyai produk seperti *Langkawi Cable Car*, *Underwater World*, *Pulau Payar Marine Park*, *Telaga Harbour Park*, padang golf dan pusat membeli-belah bertaraf antarabangsa. Kedah juga menawarkan pelbagai produk pelancongan berasaskan sejarah dan warisan seperti Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Muzium Padi, Medan Budaya Alor Star dan Pekan Rabu. Pelancong dapat menikmati keindahan semula jadi Sungai Merbok, *Sungai Sedim Tree Top Walk*, Ulu *Legong Hot Spring* atau Tasik Pedu dan Tasik Muda. Keindahan seni bina masjid juga mampu menjadi daya tarikan pengunjung ke negeri Kedah. Masjid Zahir terletak di tengah-tengah Bandar Alor Setar dan menjadi Masjid Negeri bagi Kedah. Masjid ini juga turut digekar Masjid Raja. Ia mempunyai pengaruh seni bina asli rakyat Moor dan mempunyai lima buah kubah bagi mencerminkan Lima Rukun Islam. Ia dibina hasil ilham Almarhum Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin II.

### **KESIMPULAN**



Pembangunan ekonomi dan taburan ruang yang dibangunkan menunjukkan satu transformasi yang jelas merentasi masa sejak sebelum kedatangan penjajah, semasa era penjajahan, zaman pendudukan Jepun, selepas kemerdekaan sehinggalah masa kini. Sesungguhnya Kedah masih mempunyai kekuatan yang boleh digunakan dengan baik untuk masa hadapan ekonomi dan rakyatnya. Kekuatan Negeri Kedah Darul Aman ialah dalam pertanian, khususnya padi, di samping kekayaannya dengan alam semula jadi yang indah dan berpotensi untuk dibangunkan. Dalam era globalisasi dan kemunculan ekonomi baru, antara cabaran baru yang akan dihadapi oleh Negeri Kedah Darul Aman pada masa akan datang adalah perkembangan ekonomi digital, globalisasi dan cabaran untuk membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Perkembangan pesat ekonomi digital dalam masa satu dekad yang lepas telah banyak menyumbang kepada peningkatan dalam prestasi ekonomi negara-negara maju. Bentuk ekonomi baru ini yang mengeksploitasikan sumber pengetahuan, maklumat, teknologi baru dan inovasi telah mengubah cara menjalankan perniagaan kepada kaedah baru yang lebih kepada teknologi dan maklumat, yang mana dapat mengurangkan kos pengeluaran, kepantasan operasi, kecekapan dan produktiviti negara. Dengan berlandaskan kepada matlamat negara, pelan ini menyediakan landasan bagi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman menghadapi cabaran globalisasi dan ekonomi baru. Ianya juga menyediakan landasan bagi Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman mencapai objektif pertumbuhan ekonomi yang tinggi dengan matlamat utama mewujudkan Kedah Darul Aman negeri maju menjelang 2010.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Universiti Penyelidikan bertajuk '*Warisan Alam dan Budaya : Kawasan Utara Semenanjung Malaysia (Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Utara Perak)*'. Nombor akaun 1001/PHUMANITI/816037.

## RUJUKAN


- A.M. Skinner. 1949. *The Malay Peninsula dan Malay – A Report on the 1947 Census of Population*. Disusun M.V. del Tufo. Kuala Lumpur : Government Printer.
- Akashi, Yoji. 1983. "The Japanese Occupation of Melaka January 1942 – August 1945, dalam *Melaka: The Transformation of a Malay Capital 1400-1980* vo.1. Disunting oleh Kernial Singh Sandhu dan Paul Wheatley. Oxford University Press.
- Annual Report on the social & Economic Progress of the people of the state of Kedah for the year 1946.
- Dianne Lewis. 1995. *Jan Compagnie In Straits Of Malacca: Mis Sea#96* (ohio Ris Southeast Asia Series). Ohio University Center For International Study.
- Jamaludin Sulaiman. 2002. *Isu dan Cabaran Pembangunan Ekonomi Negeri Kedah Darul Aman dlm. Kedah 100 Tahun 1900-2000 Isu-isu Politik & Sosioekonomi*. Rohana Yusof, Shafee Saad dan Abdul Rahman Aziz (ed.). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Jomo, K.S. 1999. *Development Planning in Malaysia: A Critical Appraisal* dlm. *Political Economy of Development in Malaysia*. B.N. Ghosh dan Muhammad Syukri Salleh (ed.). Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Li Dun Jun. 1982. *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur: Institut Analisis Sosial.
- Mahayudin Hj. Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maruwiyah Ahmat. 2008. *Kedah Darul Aman*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Minit Mesyuarat Agung kepada Pesuruhjaya Tentera 25 November 2486 dalam SUK 40/2486 (1943).
- Minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan bertarikh 17-8-1925 dalam SUK/K 394/1344.
- Mohamad Isa Othman. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945 (Tumpuan Negeri Kedah)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamad Isa Othman. 2001. *Pengalaman Kedah dan Perlis-Zaman Penjajahan British*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Muhammad Hassan b. Muhammad Arshad. 1968. *Al-tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- O.W Wolter. 1967. *Early Indonesian Commerce: A Study of The Origins of Srivijaya*. New York. Office of Strategic Services, Research and Analysis Branch Washington, DC, (microfilem).
- Omar. 1986. *Pembangunan Ekonomi Kaum Tani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Utusan Malaysia, Isnin 23 Februari 2009.

Van Thean Kee, "Cultivation of Taiwan Padi in Perak during the Japanese Occupation", *The Malayan Agricultural Journal* 31(2) April 1948 m/s 119-122.

Zaharah Hj. Mahmud. 1965. *Change in a Malay Sultanate: On Historical Geography of Kedah Before 1939*. Tesis Sarjana Sastera, University Malaya.

JADUAL 1 : Perbandingan KDNK Kedah 2003-2006



JADUAL 2 : Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) harga 1987

Tahun / Sektor	2005	2006
Perkhidmatan	63.8	63.4
Pembinaan	2.3	2.4
Pembuatan	21.3	21.9
Perlombongan	0.8	0.7
Pertanian	12.3	13.5
Jumlah	100.5	101.9
KDNK ( harga tetap )	10,967.58	11,543.22
KDNK Malaysia (harga tetap)	262,029	276,846
KDNK Per Kapita (RM)	11,162.53	11,711.47
KDNK Per Kapita Malaysia (RM)	18,488.73	19,674.85
Populasi / Population ('000)	1,854.4	1,904.9
Populasi Malaysia ('000)	26,746	27,194

JADUAL 3 : Taburan lokasi perindustrian di Kedah

Taman Perindustrian di Kedah	
1)	Kawasan Perindustrian Teknologi Tinggi Kulim
2)	Kawasan Perindustrian Bukit Kayu Hitam
3)	IKS KEDA (Napo, Kubang Pasu)
4)	Kawasan Perindustrian Kulim
5)	Kawasan Perindustrian Gurun
6)	Kawasan Perindustrian Darulaman (Bandar Darulaman)
7)	Kawasan Perindustrian Tikam Batu (PKNK) (Sungai Petani)
8)	Kawasan Perindustrian Ringan Bakar Arang II (Sungai Petani)
9)	Kawasan Perindustrian Mergong II (Alor Setar)
10)	Kawasan Perindustrian Pokok Sena
11)	Kawasan Perindustrian Sungai Petani
12)	Kawasan Perindustrian Sri Tandop (Alor Setar)
13)	Kawasan Perindustrian Bukit Selambau (Kuala Muda)
14)	Kawasan Perindustrian Kuala Ketil Fasa I
15)	Kawasan Perindustrian Kuala Ketil Fasa II
16)	Kawasan Perindustrian Ringan Bakar Arang I (Sungai Petani)
17)	Kawasan Perindustrian Bakar Arang (PKNK) (Sungai Petani)
18)	Kawasan Perindustrian Mergong Barrage (Alor Setar)

JADUAL 4 : Taburan pelbagai jenis pertanian di Kedah

Jenis	2001	2002	2003	2004	2005	2006
Padi	192,581	209,920	210,525	210,525	210,547p	210,331p
Getah	245,071	247,229	247,202	155,489	156,633	158,989
Kelapa Sawit	75,246	75,890	76,372	72,321	75,472	76,330
Tebu	11,337	11,331	11,324	10,986	6,886	6,482
Tembakau	669	665	658	636	421	191
Buah-buahan	16,775	16,369	16,623	16,791	16,908	16,984
Kelapa	2,834	3,187	3,198	3,224	3,128	3,176
Sayur-sayuran	1,411	1,157	1,248	1,194	1,363	1,287
Lain-lain	482	468	472	107	331	392

\* Keluasan dalam hektar

JADUAL 5 : Statistik kemasukan pelancong ke negeri Kedah

Tahun	Bilangan pelancong ke Kedah		
	Domestik	Asing	Jumlah
1999	933,042	585,305	1,518,347
2000	1,027,833	550,978	1,578,811
2001	1,338,893	592,056	1,930,949
2002	1,388,561	743,561	2,132,122
2003	1,826,110	651,528	2,477,638
2004	2,508,074	1,405,074	3,913,148
2005	1,808,952	1,169,380	2,978,332
2006	1,834,094	809,603	2,643,697